



# M K LAND UNJUR BANGUN PROJEK GDV RM240J TAHUN INI

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

**P**EMAJU hartanah, M K Land Holdings Berhad (M K Land) bakal melancarkan projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM240 juta pada tahun ini di sekitar Selangor dan Perak.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Ahmad Soalahuddin Al-Thani berkata, projek terse-

but melibatkan pembangunan kediaman mewah, rumah teras dan juga lot komersial.

Katanya, syarikat akan melancarkan fasa empat Rafflesia @ Hill yang melibatkan pembangunan kediaman semi D tiga tingkat dengan GDV sebanyak RM74 juta pada tahun ini yang terletak di Damansara Perdana, Selangor.

"Beberapa pembangunan lain juga akan dilancarkan di Perak meliputi pembangunan

**M K LAND  
MENYASARKAN  
JUALAN LEBIH  
TINGGI SEKITAR  
RM200 JUTA PADA  
2024, BERBANDING  
RM190 JUTA YANG  
DICAPAI PADA  
TAHUN LALU.**

komersial di Perdana Centre Point dan rumah teras dua tingkat, masing-masing di Meru Perdana dan juga beberapa perumahan di Klebang Putra, Ipoh," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Galeri Jualan Rafflesia @ Hill di sini, baru-baru ini.

Bagi jualan pula, beliau berkata, M K Land menyasarkan jualan lebih tinggi sekitar RM200 juta pada 2024, berbanding RM190 juta yang dica-

pai pada tahun lalu.

"Ini akan didorong oleh jualan rumah mampu milik yang telah dilancarkan pada penghujung tahun lepas seperti fasa tiga Taman Bunga Raya di Bukit Beruntung.

"Selain itu, lokasi dan jenama M K Land yang dipercayai akan memacu dan menarik pelanggan untuk membeli produk kami.

**Bersambung di muka 20**



# M K Land unjur bangun projek GDV RM240j tahun ini

Dari muka 19

“Tambahan pula, rumah mampu milik yang kami tawarkan di Taman Bunga Raya adalah rumah atas tanah yang mendapat banyak permintaan,” katanya.

Mengulas mengenai prospek hartanah pada 2024, beliau berkata, pihaknya optimis dalam berhati-hati, didorong oleh permintaan dalam pasaran yang masih tinggi.

Ahmad Soalahuddin berkata, rumah atas tanah yang berharga RM500,000 ke bawah dijangka mendapat permintaan yang tinggi seperti perumahan Taman Bunga Raya yang ditawarkan syarikat hartanah bu-miputera tersebut.

“Rumah atas tanah menjadi pilihan tertamanya bagi mereka yang sudah berkeluarga. Selain mempunyai ruang halaman, faktor yang menjadi pendorong pembeli memilih jenis kediaman ini adalah kerana mereka tidak mahu yuran penyelenggaraan yang ada bagi pembangunan bertingkat atau strata.

“Bagi pembangunan bertingkat pula, faktor lokasi akan menjadi pendorong kepada pembeli. Kediaman berorientasikan transit (TOD) iaitu dekat dengan kemudahan transit aliran massa (MRT) dan transit aliran ringan (LRT) akan mendapat banyak permintaan,” ujarnya.

Sementara itu, industri har-

tanah dijangka berkembang secara realistik, namun tekanan inflasi mungkin memberi kesan pada industri pembinaan.

“Selepas pandemik Covid-19, berlaku peningkatan dari segi kos barang binaan. Kos ini dilihat semakin stabil, tapi kadar pertukaran ringgit yang rendah menyebabkan kos bahan binaan yang diimport meningkat dan memberi kesan keseluruhan pada kos pembinaan.

“Selain itu, peningkatan cukai perkhidmatan dari enam ke lapan peratus juga akan memberi kesan kepada kos industri bahan binaan,” ujarnya.

Beliau memberitahu, bagi menangani peningkatan kos dan masih menawarkan rumah

pada harga yang kompetitif, pihaknya mengawal kos binaan dengan pembangunan volum yang lebih besar bagi rumah mampu miliknya.

Tambahnya, reka bentuk kediaman juga akan disertakan dengan reka bentuk yang berulang bagi fasa akan datang.

“Reka bentuk yang dibuat adalah lebih kurang sama supaya dapat menawarkan harga yang kompetitif,” ujarnya.

**AHMAD SOALAHUDDIN  
AL-THANI**



## TEROKAI SEKTOR TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**

nazlina.nadzari@mediamula.com.my

SEKTOR tenaga boleh diperbahari (RE) semakin mendapat tempat dalam pasaran tertamanya dengan matlamat kerajaan untuk mencapai 70 peratus kapasiti pemasangan RE menjelang 2050, menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Tidak mahu ketinggalan dalam peralihan tenaga, pemaju hartanah, M K Land Holdings Berhad (M K Land) juga giat mengaturlangkah untuk memperluaskan lagi skop perniagaan mereka dalam sektor tersebut.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Ahmad Soalahuddin Al-Thani berkata, M K Land yang mula terlibat dalam RE tertamanya tenaga solar kira-kira dua tahun lalu dalam perancangan untuk membangunkan lot industri yang berkaitan RE menjelang 2025.

Katanya, lot tersebut dijangka dibangunkan di utara Perak iaitu berhampiran dengan ladang solar M K Land seluas 1,214 hektar.

“Buat masa ini, kami masih merancang untuk pembangunan industri tersebut tetapi belum ada yang muakamad lagi. Ada peluang untuk mengembangkan pembangunan industri di utara Perak dengan memberi tumpuan pada RE.

“Ini juga mengambil kira faktor luaran seperti *China Plus One* iaitu syarikat dari China membuka kilang mereka di luar negara selain di negara itu.

“Secara umumnya, kami optimis dengan perancangan ini. Kami juga berharap akan mendapatkan limpahan industri dari pada Pulau Pinang kepada pembangunan itu,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Strategi *China Plus One* adalah



syarikat yang berpangkalan di China menubuhkan hab pengeluaran di negara lain secara global bagi menggalakkan syarikat untuk meminimumkan pergantungan rantaian bekalan mereka kepada China.

Sementara itu, Ahmad Soalahuddin berkata, penyediaan lot industri tersebut adalah bertepatan kerana pihaknya sudah mempunyai ladang solar yang boleh dibekalkan kepada pinak industri.

Beliau berkata, selain ladang solar sedia ada, M K Land yang memiliki Bukit Merah Laketown Resort juga dalam proses pembinaan untuk membangunkan ladang solar terapung atas air di tasik tersebut.

“Pembangunan ladang solar di atas tanah di sesebuah kawasan



menyebabkan tanah hanya boleh digunakan untuk tujuan tersebut satu tempoh masa. Jadi, tidak boleh buat pembangunan lain di tanah itu dalam tempoh itu.

“Oleh itu, kami merancang un-

**PENYEDIAAN  
LOT INDUSTRI  
TERSEBUT ADALAH  
BERTEPATAN  
KERANA PIHAKNYA  
SUDAH MEMPUYAI  
LADANG SOLAR  
YANG BOLEH  
DIBEKALKAN  
KEPADA PIHAK  
INDUSTRI.**

Menurutnya, kos pembangunan ladang solar terapung adalah lebih tinggi daripada atas tanah tetapi tidak terlalu signifikan.

Tambahnya, pembangunan tersebut juga dapat memanfaatkan kawasan yang ada dengan lebih efektif.

Ahmad Soalahuddin berkata, M K Land mempunyai 1,618.7 bank tanah yang belum dibangunkan yang mana 80 peratus daripada berada di Perak.

“Buat masa ini, projek kami tertumpu pada pembangunan bandar yang sedia ada kami bangunkan dengan membangunkan fasa-fasa seterusnya.

“Bagaimanapun, kami ada juga mencari tanah untuk dibeli di lokasi strategik di Lembah Klang,” jelasnya.